

Kepintaran PM hasilkan perdamaian - Pakar

UTUSAN MALAYSIA 30 JUL 2025

m/s: 4

PETALING JAYA: Kejayaan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim membawa Kemboja dan Thailand ke meja rundingan, mengembalikan keamanan di rantau ini.

Penganalisis berkata, walaupun usaha itu didakwa dimulakan oleh Presiden Amerika Syarikat (AS), Donald Trump, hakikatnya Perdana Menteri sejak hari pertama perang berlangsung sudah pun berkomunikasi dengan pemimpin kedua-dua negara bertelagah.

Pakar Geostrategi, Prof. Dr. Azmi Hassan berkata, tiga kelebihan yang ada pada Malaysia menjadi pemangkin utama rundingan damai antara Thailand dan Kemboja berhasil.

Katanya, kelebihan pada Malaysia ketika ini adalah, negara merupakan Pengerusi ASEAN tahun 2025.

Kedudukan itu membolehkan Perdana Menteri menghubungi dengan kedua-dua pemimpin negara bertelingkah supaya diadakan rundingan gencatan senjata.

“Berdasarkan rekod lampau, Malaysia membuktikan

mampu menjadi perantara dalam pembentukan wilayah Bangsamoro (Filipina), konflik di Aceh (Indonesia) dan pemudah cara antara Barisan Revolusi Selatan Thailand dengan Bangkok (Thailand).

“Ia contoh nyata kenapa pemimpin kedua-dua negara lebih mempercayai kita.

“Malaysia sebagai sebahagian daripada ASEAN yang memahami isu sensitiviti serantau mampu menjadi perantara yang adil dan dipercayai,” katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Kelmarin, Thailand dan Kemboja mencapai kata sepakat untuk berdamai dengan melaksanakan gencatan senjata serta-merta tanpa syarat susulan konflik sempadan yang berlaku di antara kedua-dua negara.

Putrajaya menjadi saksi kepada detik bersejarah itu dengan Anwar mengumumkankannya menerusi sidang akhbar bersama Perdana Menteri Kemboja, Hun Manet dan Pemangku Perdana Menteri Thailand, Phumtham Wechayachai selepas sesi mesyuarat khas di Kompleks Seri Perdana.

“Perdana Menteri Hun Manet dan Pemangku Perdana Menteri Phumtham Wechayachai menyatakan pendirian dan kesediaan mereka untuk melaksanakan gencatan senjata serta-merta dan kembali kepada keadaan seperti sedia kala (normalcy),” katanya.

Kerajaan AS melalui Setiausaha Negara, Marco Rubio memberi penghargaan kepada Anwar kerana berjaya menjadi orang tengah dalam perjanjian gencatan senjata tersebut.

Azmi berkata, kelebihan Malaysia dalam menjadi pengantara kali ini adalah disebabkan kepintaran Perdana Menteri untuk membawa sama Amerika Syarikat dan China ke meja rundingan.

Beliau berkata, ini kerana kedua-dua negara kuasa besar itu mempunyai pengaruh kuat terhadap Thailand dan Kemboja.

“Kelebihan ini dilihat kerana dunia terkejut dengan begitu pantas kedua-dua negara ini menerima gencatan senjata. Ini kerana, kerana sebelum ini konflik mereka hampir menjadi perang besar,” katanya.